

## APABILA SUDAH BANYAK

**KATA** bilangan yang menandakan jumlah "banyak", antaranya **semua**, **segala**, **pelbagai**, **para**, dan **beberapa** tidak perlu lagi diikuti oleh kata ganda atau kata ulangan yang membawa makna "banyak". Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sedemikian menyebabkan berlakunya keadaan lewah (berlebih-lebih). Keadaan ini, seperti contoh yang berikut, tidak diterima dalam bahasa Melayu.

- \*semua **pelajar-pelajar**
- \*segala **kemungkinan-kemungkinan**
- \*pelbagai **acara-acara**
- \*para **pemenang-pemenang**
- \*beberapa **keadaan-keadaan**

Untuk menyelesaikan masalah ini, terdapat dua cara penggunaan yang gramatis atau mengikut peraturan tatabahasa.

Pertama, dengan menghilangkan bentuk gandaan, seperti yang berikut.

- semua **pelajar**
- segala **kemungkinan**
- pelbagai **acara**
- para **pemenang**
- beberapa **keadaan**

Kedua, dengan meniadakan kata bilangan dan mengekalkan gandaan, menjadi bentuk yang berikut.

- **pelajar-pelajar**
- **kemungkinan-kemungkinan**
- **acara-acara**
- **pemenang-pemenang**
- **keadaan-keadaan**

## BARU DAN BAHARU

**BANYAK** pertanyaan daripada guru dan pelajar tentang perkataan **baru** dan **baharu**. Dua persoalan ditimbulkan. Pertama, yang manakah yang betul? Kedua, adakah **baharu** itu perkataan yang baru diperkenalkan?

Isu penggunaan kedua-dua perkataan itu sebenarnya sudah bermula semenjak tahun 2007. Mulai awal tahun itu, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menggunakan perkataan **baharu** menggantikan perkataan **baru**. Isu ini sudah dijelaskan dalam surat siaran *Suara Bahasa* yang diterbitkan untuk Panitia Bahasa Melayu dan Pusat Sumber Sekolah keluaran Januari 2007. Kemudiannya, Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Encik Sallehuddin Abang Shokeran memberi kenyataannya melalui ruangan "Surat" dalam *Berita Harian*, untuk menjawab pertanyaan pengguna bahasa melalui ruangan yang sama. Terdapat dua konteks jawapan yang dapat diberikan untuk menjelaskan penggunaan dua kata tersebut.

Pertama, konteks penggunaan umum, yang digunakan oleh pengguna bahasa biasa. Berdasarkan konteks ini, **baru** dan **baharu** tidaklah mempunyai perbezaan, dan boleh digunakan secara berganti. Hal inilah yang dijawab Encik Sallehuddin Abang Shokeran. *Kamus Dewan edisi keempat* pada halaman 103 memberi makna **baharu** sebagai "baru", dan pada halaman 131, memberi 10 makna **baru**, iaitu "belum (tidak) ada sebelumnya", "belum pernah atau belum lama dilaksanakan", "belum dipakai lagi atau belum lama dipakai", "belum lama lagi menjadi atau berlaku", "masih segar", "moden", "belum berapa lama lagi", "apabila saja, sesudah", "pada masa itulah", dan "kelihatan masih cantik atau tidak terjejas". Yang jelasnya, mengikut definisi konteks ini, **baru** dan **baharu** merupakan kepelbagaian atau variasi, dan boleh digunakan kedua-duanya. Penggunaannya untuk menunjukkan sifat masa.

Kedua, mengikut konteks linguistik atau ilmu bahasa. Sekiranya diteliti mengikut fungsi linguistik, penggunaannya berbeza walaupun masih memperlihatkan ciri waktu, iaitu "tidak lama". Mengikut aspek tatabahasa, **baru** berfungsi sebagai kata bantu kepada kata kerja, iaitu perkataan yang menjelaskan masa berlakunya sesuatu perbuatan. Perkataan ini digunakan sebelum kata kerja atau perbuatan. Lihat contohnya.

- **baru** makan
- **baru** pulang
- **baru** bergerak

Perkataan **baharu** pula berfungsi sebagai kata adjektif kepada kata nama, iaitu perkataan yang menyatakan sifat bagi sesuatu, sama ada orang, binatang, benda, alat, negeri, hal, dan sebagainya. Perkataan ini digunakan selepas nama sesuatu tadi. Perhatikan contohnya.

- kereta **baharu**
- perjanjian **baharu**
- pakaian **baharu**

Oleh sebab fungsinya berbeza, kedua-dua perkataan itu sewajarnya tidak digunakan secara bertukar ganti, seperti yang berikut.

- \***baharu** makan
- \***baharu** pulang
- \***baharu** bergerak
- \*kereta **baru**

- \*perjanjian baru
- \*pakaian baru

Dengan hal yang demikian, penggunaan mengikut konteks yang kedua dianggap lebih tepat, lebih-lebih lagi jika digunakan dalam urusan rasmi, seperti dalam penulisan karangan pelajar, laporan, minit mesyuarat, dan sebagainya. Perkataan **baharu** bukanlah korpus yang baru diperkenalkan, kerana perkataan itu sangat aktif digunakan dalam tulisan pada tahun 1930-an hingga 1950-an dahulu lagi.

## BUKAN MERBAHAYA

**MASIH** banyak pengguna bahasa Melayu yang keliru ketika menggunakan kata terbitan atau kata berimbuhan. Contoh yang ketara ialah penggunaan imbuhan dalam perkataan \*merbahaya.

Bentuk itu tidak tepat kerana dalam bahasa Melayu tidak wujud imbuhan \*mer-. Yang sesuai ialah ber-. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) ada menyenaraikan perkataan merbahaya, tetapi dirujuk sebagai marabahaya, yang bermaksud "bermacam-macam bencana atau bahaya". Dengan maksud itu, merbahaya atau marabahaya ialah kata nama, sedangkan berbahaya ialah kata kerja.

Maksud ber- dalam situasi ini ialah "ada" atau "mempunyai". Dengan hal yang demikian, berbahaya bermaksud "boleh mendatangkan bahaya" atau "dalam bahaya". Oleh itu, gunakanlah perkataan berbahaya.

Satu contoh lagi ialah \*pergerakkan. Imbuhan \*per-...-kan juga tiada dalam bahasa Melayu. Yang ada ialah pe-...-an dan per-...-an. Jika digunakan pe-...-kan, yang terhasil ialah \*pegerakan. Bentuk ini salah juga. Oleh itu, bentuk yang betul ialah pergerakan.

## DIBAYAR DI KAUNTER

FRASA dalam tajuk di atas, "dibayar di kaunter", menggunakan dua bentuk **di** yang berbeza. Yang pertama, **di** dirapatkan dengan perkataan yang mengikutinya, sebaliknya **di** yang kedua, dijarakkan daripada perkataan selepasnya. Hal ini menunjukkan bahawa peranan kedua-dua bentuk **di** itu berlainan.

Bentuk **di** yang pertama ialah imbuhan awalan. Sebagai imbuhan, **di** itu tidak boleh berdiri sendiri, lalu perlu disandarkan pada perkataan yang mengikutinya. Perhatikan contoh lain.

- **di**jaga
- **di**bina
- **di**tarik
- **di**kepal
- **di**sanjung

Bentuk **di** yang kedua pula berperanan sebagai kata sendi nama. Sebagai sendi nama, **di** ini dapat berdiri sendiri, dan tidak memerlukan pertolongan bentuk lain selepasnya. Perkataan yang mengikutinya terdiri daripada kata arah dan kata nama. Perhatikan contoh lain yang sama fungsinya.

- **di** padang
- **di** pejabat
- **di** Terengganu
- **di** tengah hutan
- **di** belakang rumah

Oleh hal yang demikian, kita perlu mengenal pasti fungsi **di** sebelum mengeja sesuatu perkataan agar penggunaannya tepat.

## EJAAN KATA PINJAMAN

**KATA** pinjaman, atau kata ambilan dan kata serapan, sama ada daripada bahasa Inggeris atau bahasa Eropah lain, diterima masuk ke dalam korpus bahasa Melayu dengan mementingkan bentuk ejaan atau visualnya.

Oleh hal yang demikian, penyesuaian huruf dilakukan sekiranya perlu. Penyesuaian tersebut boleh terdiri daripada pengejalan, penggantian, dan pengguguran huruf tertentu.

### i. Pengejalan huruf

Hal ini bermakna bahawa ejaan asal dikekalkan.

- atom
- bank
- diesel
- hotel
- neon
- pistol
- status
- zoo

### ii. Penggantian huruf

Beberapa huruf digantikan untuk disesuaikan dengan bunyi atau sebutan dalam bahasa Melayu. Beberapa contohnya seperti yang berikut.

1. *c* menjadi *k*

- *criteria* - *kriteria*
- *vaccin* - *vaksin*
- *republic* - *republik*

2. *y* menjadi *i*

- *January* - *Januari*
- *gravity* - *graviti*
- *geology* - *geologi*

3. *g* menjadi *j*

- *regime* - *rejim*
- *magistrate* - *majsitret*
- *contingent* - *kontinjen*

4. *ph* menjadi *f*

- *graph* - *graf*
- *photography* - *fotografi*
- *telephone* - *telefon*

5. *ou* menjadi *au*

- accountant - akauntan
- pound - paun

**iii. Pengguguran huruf**

Beberapa huruf tertentu tidak dikekalkan.

1. *ch* menjadi *k*

- scheme - skim
- cholera - kolera
- monarchy - monarki

2. *ce* menjadi *s*

- science - sains
- ambulance - ambulans
- insurance - insurans

3. *uu* menjadi *u*

- vacuum - vakum
- continuum - kontinum

## EJAJAN YANG TIDAK MEMATUHI POLA KESELARASAN HURUF VOKAL

**PERKATAAN** dalam bahasa Melayu dieja dengan berdasarkan konsep pola keselarasan huruf vokal. Terdapat **18 pola keselarasan vokal** dalam bahasa Melayu mengikut sistem ejaan baharu yang berkuat kuasa mulai 1972.

- a - a
- a - i
- a - u
- e taling - a
- e taling - e taling
- e taling - o
- e pepet - a
- e pepet - i
- e pepet - u
- i - a
- i - i
- i - u
- o - a
- o - e taling
- o - o
- u - a
- u - i
- u - u

Namun demikian, **ejaan kata pinjaman daripada bahasa asing** tidak tertakluk kepada pola-pola tersebut.

Beberapa perkataan contoh daripada bahasa Indonesia ialah **aneh ; awet ; pamer ; calon ; lakon ; perabot ; seksa ; gembeng ; tulen ; dan pepet**

.Lihat pula beberapa perkataan contoh daripada bahasa Inggeris dan bahasa Eropah lain yang diterima masuk ke dalam bahasa Melayu tetapi tidak terikat kepada pola keselarasan vokal bahasa Melayu, antaranya **atom ; atlet ; pakej ; diesel ; setem ; tiket ; piket ; pistol ; kriket ; krayon ; korum ; fokus ; dan bonus**.

Pengejaan perkataan daripada bahasa asing ini dibuat dengan berasaskan **pola kecualian**, iaitu yang tidak mematuhi pola yang ditetapkan. Hal ini terjadi demikian kerana perkataan daripada bahasa asing tidak akan diubah ejaan dan bunyinya sekiranya tidak benar-benar perlu.

Oleh itu, kita dapati bahawa ejaan perkataan daripada bahasa asing ini **seolah-olah menyamai ejaan lama bahasa Melayu** (sebelum 1972), iaitu **a - o ; a - e taling ; e pepet - o ; e pepet - e taling ; i - e taling ; i - o ; dan u - e taling**.



## GOLONGAN KATA DAN FUNGSI KATA

GOLONGAN kata atau jenis kata, kelas kata, dan kategori kata, ialah perkataan yang dijeniskan atau dikelompokkan mengikut ciri-ciri persamaan yang tertentu. Persamaan tersebut diambil kira dari aspek kategori, makna, bentuk, penempatan, dan fungsi kata. Walaupun golongan kata termasuk dalam kategori morfologi, golongan kata juga perlu dilihat dari aspek sintaksis. Hal yang sedemikian perlu kerana terdapat perkataan yang termasuk dalam golongan kata utama tetapi dalam ayat perkataan itu sebenarnya menjalankan fungsi sebagai kata tugas.

Kata dibahagikan kepada empat golongan, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas. Setiap golongan kata tersebut mempunyai subgolongan atau jenis-jenis tertentu berdasarkan fungsinya. Hal ini boleh anda pelajari daripada nota yang disediakan dalam blog ini, iaitu pada bar Penggal 2.

Yang ingin dicatatkan di sini ialah kedapatan perkataan tertentu yang mempunyai fungsi yang berbeza apabila digunakan dalam kedudukan tertentu dalam ayat. Hal inilah yang dikatakan bahawa golongan kata boleh dikaji dari aspek morfologi dan juga aspek sintaksis.

Perkataan **dalam**, kalau dilihat sepintas lalu, ialah kata adjektif. Namun begitu, terdapat juga perkataan itu yang berfungsi sebagai kata tugas. Lihat fungsinya yang berbeza berdasarkan kedudukannya dalam ayat-ayat yang berikut:

1. Air sungai di kawasan itu sangat **dalam**.
2. Ibu bapanya tidak terlibat **dalam** hal tersebut.
3. Sejenis tumbuhan baharu ditemukan di **dalam** hutan di kawasan itu.

Bagi ayat (1), **dalam** merupakan kata adjektif. Namun, **dalam** pada ayat (2) dan ayat (3) merupakan kata tugas, iaitu masing-masing merupakan kata sendi nama dan kata arah.

Perkataan **mengenai** juga mempunyai dua golongan kata berdasarkan fungsinya. Lihat perbezaan fungsi tersebut.

1. Pukulannya **mengenai** kepala budak itu.
2. Perbincangan **mengenai** program terkini sedang dijalankan.

Perkataan **mengenai** dalam ayat (1) ialah kata kerja, yang bermaksud *kena pada*. Sebaliknya, perkataan itu dalam ayat (2) merupakan kata tugas, iaitu kata sendi nama. Perkataan itu boleh bertukar ganti dengan perkataan **tentang**.

Perkataan **tersembam**, umpamanya, juga berbeza fungsi jika digunakan pada konteks tertentu. Lihat aspek perbezaannya berdasarkan ayat-ayat yang berikut.

1. Atlet itu **tersembam** setelah melepasi garis penamat.
2. Atlet itu jatuh **tersembam** setelah melepasi garisan penamat.

Perkataan **tersembam** pada ayat (1) merupakan kata kerja tak transitif. Namun begitu, pada ayat (2), **tersembam** tidak berfungsi sebagai kata kerja walaupun golongannya boleh dianggap kata kerja, kerana kata tersebut menjelaskan cara jatuh. Oleh itu, **tersembam** pada ayat (2) ialah kata kerja yang berfungsi sebagai kata adverb, iaitu sejenis kata tugas.

Terdapat beberapa perkataan lain yang mengalami keadaan seperti di atas. Oleh itu, calon perlu berhati-hati sekiranya soalan meminta calon mengenal pasti golongan kata dan fungsi. Dalam hal ini, golongan kata ialah jenis perkataan, manakala fungsi ialah peranan yang dimainkan oleh golongan kata itu dalam binaan ayat.

## HAL INI TERJADI DEMIKIAN

SUATU ketika dahulu, kerap ditemukan pelajar menulis klausa yang berikut:

- \*Hal ini kerana dia sudah lupa.

Klausa tersebut jelas sekali tidak menepati konsep binaan ayat. Klausa itu mempunyai subjek, "*Hal ini*", tetapi malangnya tidak disertai predikat. Klausa "*kerana dia sudah lupa*" tidak boleh dianggap sebagai predikat oleh sebab dimulai oleh kata hubung musabab, *kerana* yang berfungsi sebagai keterangan sahaja. Keterangan itu boleh digugurkan. Jika digugurkan, unsur yang tinggal hanyalah "*Hal ini*." Bentuk demikian hanyalah frasa subjek, dan tidak dapat membentuk ayat. Predikat dianggap wujud sekiranya ada unsur inti, yang terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, atau frasa sendi nama.

Oleh itu, pelajar dan pengguna bahasa Melayu dinasihati agar mengubahsuai klausa tersebut menjadi seperti yang berikut:

- Hal ini demikian kerana dia sudah lupa.

Perkataan *demikian* dianggap dapat menjadi predikat, manakala "*kerana dia sudah lupa*" kekal menjadi keterangan. Bentuk ini sudah tersebar luas beberapa lama.

Namun demikian, klausa "*Hal ini demikian kerana dia sudah lupa*" atau apa-apa klausa yang seperti itu, sudah tidak dapat lagi dipertahankan ketepatannya dari segi tatabahasa mulai 2008. Mulai tahun itu, buku tatabahasa pegangan, *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* telah memperkenalkan "kata adverba" sebagai satu daripada kata tugas. Jenis kata tugas baharu ini terdapat pada halaman 289 hingga 295 buku tatabahasa itu. Satu daripada perkataan yang termasuk dalam kata adverba ialah *demikian*, yang dianggap sebagai kata adverba jati.

Oleh sebab itu, klausa "*Hal ini demikian kerana dia sudah lupa*" harus mengalami perubahan agar binaannya tepat. Untuk mewujudkan bentuk yang betul, satu frasa kerja dicadangkan diwujudkan selepas frasa "*Hal ini*" dan sebelum *demikian*. Frasa kerja yang sesuai ialah *terjadi*, atau *berlaku*, *dikatakan* atau perkataan lain yang sesuai dengan kehendak ayat yang dibina. Dengan perubahan itu, klausa tersebut seharusnya menjadi seperti yang berikut:

- Hal ini terjadi demikian kerana dia sudah lupa.
- Hal ini berlaku demikian kerana dia sudah lupa.
- Hal ini dikatakan demikian kerana dia sudah lupa.

Perubahan seperti itu terjadi kerana mengikut keperluan semasa. Sebagai bahasa yang dinamik atau dapat berkembang, perubahan sedemikian perlu kita terima. Dengan cara yang demikian, bahasa Melayu akan sentiasa hidup.

## HUKUM D-M

**UNTUK** memastikan bahawa binaan frasa nama adalah betul, kita hendaklah menyusunnya secara “hal yang hendak diterangkan” (inti atau fokus) mendahului “hal yang menerangkan” (penerang atau cerita). Susunan ini dikenali sebagai **Hukum D-M**, yang bermaksud “diterangkan dan menerangkan”, iaitu **D= diterangkan**, dan **M= menerangkan**.

Sekiranya susunan itu terbalik, binaan frasa tersebut dianggap tidak tepat. Contoh penggunaan yang salah adalah seperti yang berikut:

- \*mini bas
- \*goreng pisang
- \*cili sos

Adakah kita menaiki **mini**? Tidak, kita menaiki **bas**. Kita tidak makan **goreng**, tetapi makan **pisang**. Kita tidak menggunakan **cili**, tetapi menggunakan **sos**. Perkataan **mini**, **goreng**, dan **cili** hanyalah penerang jenis bagi **bas**, **pisang**, dan **sos**. Oleh itu, kita menaiki **bas mini** (bas kecil), makan **pisang goreng** (pisang yang digoreng), dan menggunakan **sos cili** (sos yang dibuat daripada campuran cili).

Demikian juga halnya dengan **\*Ahmad Restoran**, atau **\*Kim Klinik**. Untuk makan kita pergi ke **restoran**, bukan ke **Ahmad**. Bagi mendapatkan rawatan kita pergi ke **klinik**, bukan ke **Kim**. **Ahmad** dan **Kim** hanya penerang bagi nama **restoran** dan **klinik**. Dengan yang demikian, bentuk yang betul ialah **Restoran Ahmad** dan **Klinik Kim**.

Namun demikian, jika dikatakan kita hendak ke rumah **Kim Klinik**, frasa ini boleh diterima kerana kita mahu ke rumah **Kim yang digelar Kim Klinik, kerana Kim memiliki klinik**. Hal ini dikatakan demikian kerana intinya (hal yang hendak dicakapkan) ialah **Kim**, dan penerangnya ialah **Klinik**.

Walaupun begitu, terdapat beberapa frasa yang digunakan sekarang bertentangan dengan hukum D-M. Hal ini dianggap kecualian. Hal ini terjadi kepada frasa yang membawa maksud jawatan, gelaran atau panggilan, serta yang menunjukkan bilangan. Dalam contoh-contoh yang berikut, perkataan yang berhuruf tebal ialah inti.

- Perdana **Menteri**
- Ketua **Pengarah**
- Naib **Yang Dipertua**
- Profesor **Khaidir**
- Haji **Roslan**
- Mak Cik **Maimunah**
- dua ekor **ayam**

## HURUF "E" ATAU "I", DAN "O" ATAU "U" DALAM KATA PINJAMAN

TERDAPAT perkataan serapan daripada bahasa asing yang ejaan asalnya menggunakan "e" dieja sebagai "i", dan "o" dieja sebagai "u". Cara pengejaan tersebut tidak tepat. Perkataan daripada bahasa asing tidak tertakluk kepada 18 pola keselarasan huruf vokal bahasa Melayu. Ejaan asal perkataan tersebut dikekalkan atas dasar kecualian. Oleh itu, banyak ejaan kata pinjaman tertakluk kepada pola kecualian keselarasan huruf vokal.

Perkataan yang terlibat, antaranya ialah **bestari** dan **pendeta** yang berasal daripada bahasa Sanskrit, kerap dieja sebagai **\*bistari** dan **\*pendita**. Perkataan lain yang dapat dikesan ialah **\*anah** dan **\*tulin**. Kedua-dua perkataan daripada bahasa Indonesia itu sepatutnya dieja **aneh** dan **tulen**. Perkataan daripada bahasa Inggeris, **protein** dan **atlet** pula selalu dieja secara salah sebagai **\*protin** dan **\*atlit**.

Selain itu, perkataan yang menggunakan vokal "o" dan "u" juga turut menimbulkan kekeliruan. Antaranya ialah **\*lakun**, **\*perabut**, dan **\*pamir**. Ejaan yang betul ialah **lakon**, **perabot**, dan **pamer**, iaitu ejaan asal dalam bahasa Indonesia.

## ISTIREHAT ATAU ISTIRAHAT?

KITA sering menggunakan perkataan **istirehat** untuk maksud “suasana bersantai” atau “berhenti daripada melakukan sesuatu untuk menghilangkan penat”. Yang tidak kita sedari ialah perkataan ini tidak disenaraikan di dalam mana-mana empat versi *Kamus Dewan* walaupun penggunaannya sangat kerap. Sebaliknya, yang disenaraikan ialah **istirahat**. Perkataan **istirahat** berasal daripada bahasa Arab.

Kelaziman penggunaan **istirehat** mungkin disebabkan wujudnya perkataan yang hampir sama makna, iaitu **rehat**. Perkataan ini mungkin sebagai ganti **istirahat**, yang disesuaikan sebutannya kerana kejanggalan menyebut **rahat**. Dengan sebab yang demikianlah agaknya perkataan **istirahat** tidak dikenali, sebaliknya digunakan **istirehat** atau **rehat** sahaja.

Perkataan **rehat** dan **rahat** terdapat di dalam *Kamus Dewan*, dengan makna yang sama dengan **istirahat**. Perkataan **rahat** ini berasal daripada bahasa Arab juga, mungkin kependekan bagi perkataan **istirahat**. Perkataan **rehat** pula mungkin bentuk asal atau telah sedia ada dalam bahasa Melayu lalu digunakan secara baku. Walau bagaimanapun, mulai sekarang, boleh agaknya kita biasakan diri menggunakan **istirahat**, **rahat**, atau **rehat** sahaja, bukannya **\*istirehat**.

## JANGAN LUPA TANDA SEMPANG!

**TANDA** sempang (-) adalah antara tanda bacaan yang sangat penting dalam penulisan, selain noktah dan koma.

Sempang perlu digunakan bagi penulisan kata ganda. Contohnya, **lama-lama**, **setinggi-tinggi**, **pelabur-pelabur**, **lintang-pukang**, **kuih-muih**, dan sebagainya. Tanda itu dikekalkan walaupun gandaan itu mengalami pengimbuhan apitan. Contohnya, **melama-lamakan**, **memporak-perandakan**, **disia-siakan**, dan sebagainya.

Tanda itu juga perlu digunakan apabila menulis huruf yang bercantum dengan angka dalam satu perkataan. Contohnya, **ke-47**, **1990-an**, **60-an**, dan seumpamanya. Oleh hal yang demikian, tidak tepat jika kita menulis bentuk-bentuk tersebut **\*ke47** atau **\*ke 47**, **\*1990an** atau **\*1990 an**, dan **\*60an** atau **\*60 an**.

Selain itu, sempang perlu digunakan untuk mencantumkan huruf kecil dengan huruf besar dalam satu perkataan. Contohnya ialah **anugerah-Nya**, **anti-Amerika**, **rahmat-Mu**, dan beberapa lagi. Ejaan yang selain di atas, seperti **\*anugerahNya** atau **\*anugerah Nya**, **\*antiAmerika** atau **\*anti Amerika**, dan **\*rahmatMu** atau **\*rahmat Mu**, adalah salah.

## KATA ADJEKTIF TIDAK SESUAI DENGAN APITAN "MEMPER-...-KAN"

**ANTARA** kesilapan yang tidak disedari oleh kebanyakan pengguna bahasa Melayu ialah penggunaan imbuhan apitan *memper-...-kan* bagi kata adjektif. Hal ini menyebabkan terjadinya bentuk lewah (berlebih-lebih) yang tidak dikehendaki dalam bahasa Melayu.

Contohnya:

- \* memperluaskan
- \* memperelokkan
- \* memperkecilkan

Imbuhan yang sesuai ialah awalan *memper-*. Oleh itu, bentuk terbitan yang betul ialah yang berikut:

- memperluas
- memperelok
- memperkecil

Demikian juga, sekiranya kata adjektif itu hendak dijadikan bentuk pasif, imbuhan yang digunakan ialah awalan, iaitu *diper-* sahaja, bukan *diper-...-kan*.

- diperluas
- diperelok
- diperkecil

Apitan *memper-...-kan* dan *memper-...-i* lazimnya boleh digunakan untuk kebanyakan kata nama dan kata kerja sahaja.



## KATA KLITIK PERLU BERCANTUM DENGAN KATA DASAR

**KATA** klitik ialah istilah yang digunakan untuk ganti nama singkat. Bentuk ini sering digunakan oleh pengguna bahasa berdasarkan keperluan budaya. Bentuk yang lazim digunakan ialah **kau-**, **-mu**, **-ku**, dan **-nya**.

Bentuk singkat ini tidak boleh berdiri sendiri sebagai perkataan. Oleh itu, ganti nama ini perlu dicantumkan pada kata dasar yang mendahului atau mengikutinya.

- **kaubaca**
- **kausambut**
- **kucari**
- **kutulis**
- **adikku**
- **kepunyaanku**
- **keperluanmu**
- **laporanmu**
- **bukunya**

Oleh itu, bentuk yang berikut adalah tidak betul:

- **\*kau baca**
- **\*kau sambut**
- **\*ku cari**
- **\*ku tulis**
- **\*adik ku**
- **\*kepunyaan ku**
- **\*keperluan mu**
- **\*laporan mu**
- **\*buku nya**

## MENGENALI KATA KERJA TRANSITIF

**KATA** kerja ialah sejumlah perkataan yang digunakan untuk menunjukkan perbuatan. Kata kerja transitif ialah perkataan yang digunakan dalam binaan ayat transitif. Kata kerja jenis ini perlu diikuti oleh kata nama atau frasa nama, yang dikenali sebagai objek. Binaan ayat transitif berkenaan dianggap salah sekiranya kata kerja berkenaan tidak diikuti secara langsung oleh objek.

Bagaimanakah cara untuk mengenal pasti kata kerja transitif?

Menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd dalam buku *Tatabahasa Dinamika*, cara yang mudah adalah dengan menanyakan “**apa**”. Sekiranya ada jawapannya, kata kerja yang digunakan itu ialah kata kerja transitif. Contohnya:

- Menaiki apa? *Menaiki* **bas**.
- Memasak apa? *Memasak* **bubur**.

Perkataan **bas** dan **bubur** ialah penyambut perbuatan, atau objek. Dengan hal yang demikian, kata kerja transitif ialah perbuatan yang dilakukan kepada sesuatu yang lain. Sesuatu yang lain itu ialah objek. Oleh itu, objek ialah “mangsa” perbuatan, atau sesuatu yang terkena perbuatan orang lain.

Ayat yang gramatis (tepat atau baku) ialah:

- Shaari menaiki bas.
- Ibu gemar memasak bubur.

Oleh itu, ayat yang berikut adalah salah:

- \*Shaari menaiki.
- \*Ibu gemar memasak.

Satu lagi kaedah untuk mengenali kata kerja transitif adalah dengan menukarnya kepada bentuk pasif. Kata kerja transitif **membawa** dan **tersandung** misalnya masing-masing dapat dipasifkan menjadi **dibawa (oleh)** dan **tersandung oleh**. Contohnya dalam ayat:

- Emak **membawa** adik ke perpustakaan. - *Ayat transitif*
- Adik **dibawa oleh** emak ke perpustakaan. - *Ayat pasif*
- Kaki datuk **tersandung** akar. - *Ayat transitif*
- Akar **tersandung oleh** kaki datuk. - *Ayat pasif*

Terdapat kata kerja yang tidak perlu diikuti oleh objek. Kata kerja jenis ini dipanggil kata kerja tak transitif. Kata kerja ini ialah perbuatan yang tidak dilakukan kepada orang atau benda lain. Kata kerja jenis ini tidak dapat dipasifkan.



GAMBAR yang tertera ialah sebahagian daripada papan peringatan yang diletakkan di beberapa buah taman permainan di Terengganu. Maklumat yang hendak disampaikan adalah jelas. Pengunjung dapat memahaminya walaupun ada yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Namun demikian, penggunaan bahasa pada bahagian tertentu didapati ada kesilapan dari segi ejaan dan tatabahasa.

Kita analisis kesilapan tersebut dan cuba memperbetul semua kesilapan itu satu persatu demi kepentingan bahasa kita.

1. Kesalahan dari segi penggunaan imbuhan pada perkataan **merosakan**.

Perkataan **merosakan** terhasil daripada kata dasar **rosak** yang diberi imbuhan **me...-kan**. Tiada imbuhan **me...-an** dalam bahasa Melayu. Oleh itu, huruf **k** mestilah ada dua, iaitu satu untuk akhir perkataan **rosak**, dan satu lagi untuk imbuhan **-kan** yang mengikuti perkataan itu. Dengan hal yang demikian, perkataan itu seharusnya dieja sebagai **merosakkan**. Satu lagi perkataan ini telah dieja secara betul bagi ikon di hujung sebelah kanan gambar .

2. Kesalahan dari segi ejaan pada perkataan **kebawah**.

Perkataan **kebawah** sebenarnya terdiri daripada kata sendi nama **ke** dan kata arah **bawah**. Oleh sebab **ke** bukan imbuhan, tetapi kata sendi nama, maka **ke** harus direnggangkan atau dijarakkan daripada perkataan **bawah**, menjadi **ke bawah**. Hal ini sebenarnya sama seperti perkataan **di sini** pada hujung baris selepasnya.

3. Kesalahan dari segi frasa **di atas**.

Ejaan frasa **di atas** betul. Frasa ini betul jika digunakan untuk menunjukkan maksud “sesuatu yang letaknya di bahagian atas (sesuatu yang lain)” seperti **di atas** meja. Malangnya, frasa **di atas** dalam ayat ini tidak bermaksud demikian. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan **penggunaan** dalam frasa **di atas penggunaan** bukan benda yang ada arah atau ruang atas, dan perkataan **atas** itu sendiri tidak berperanan sebagai arah. Oleh itu, kata sendi nama **di** tidak diperlukan; memadai dengan penggunaan kata **atas** sahaja, menjadi “...risiko **atas** penggunaan...”.

4. Kesalahan dari segi penggunaan perkataan **adalah**.

Perkataan **adalah** merupakan kata pemeri, yang sesuai digunakan sebelum kata adjektif (berkenaan sifat sesuatu) dan frasa sendi nama sahaja. Dalam ayat ini, perkataan yang mengikuti kata pemeri itu ialah **tanggung**. Perkataan ini ialah kata nama, yang tidak sesuai digunakan dengan **adalah**. Sekiranya kita ingin mengekalkan penggunaan **adalah**, lebih sesuai kita tambahkan perkataan **dalam** selepas kata itu, menjadi "...adalah **dalam** tanggungan pengguna..." Hal ini wajar demikian kerana perkataan **dalam** dapat berfungsi sebagai kata sendi nama. Cara lain yang betul, sekiranya tidak mahu menambahkan perkataan **dalam**, adalah dengan cara membuang perkataan **adalah** itu.

Diharapkan agar kesilapan tersebut tidak mempengaruhi anak-anak yang baru atau sedang belajar untuk menggunakan bahasa secara betul. Marilah kita berhati-hati ketika menggunakan bahasa kebangsaan kita supaya tidak berlaku kesilapan.

## RAMADHAN, ATAU RAMADAN?

Istilah bagi bulan puasa ialah bulan **Ramadan**. Perkataan tersebut berasal daripada bahasa Arab. Perkataan itu digunakan secara lisan dan tulisan secara meluas, sama ada ketika ceramah dan tazkirah, atau dalam penulisan dalam akhbar, majalah, poster, kain rentang, tayangan pada skrin televisyen, iklan, malahan di mana-mana sahaja.

Malangnya, kebanyakan pihak yang menggunakan perkataan itu dalam penulisan, masih keliru akan ejaan yang tepat. Ejaan **Ramadhan** digunakan dengan meluas. Hal sedemikian terjadi kerana pengaruh sebutan bahasa Arab. Tidaklah salah sekiranya dibunyikan seperti sebutan asal, namun demikian, ejaan sedemikian tidak wujud dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia yang diguna pakai semenjak 16 Ogos 1972. Ejaan sedemikian tidak dianggap salah sebelum tarikh tersebut kerana peraturan baharu ejaan Rumi bahasa Melayu belum dimuktamadkan.

Padanan bunyi untuk ejaan bagi **dh** dalam bahasa Melayu ialah **d**. Penetapan ini dibuat dengan berdasarkan hakikat bahawa dalam bahasa Melayu tiada bunyi berkenaan. Dengan sebab tiada bunyi itu, maka huruf (lambang bagi bunyi dalam tulisan) juga tidak wujud. Oleh itu, semua perkataan daripada bahasa Arab yang mempunyai bunyi **dh** hendaklah diejakan dengan **d**, seperti **daif**, **darab**, **dif**, **fadilat**, **fardu**, **kadi**, **mudarabah**, **reda** ("rela"), **qada** ("ganti"), **qadar** ("ketentuan"), dan seumpamanya. Sungguhpun ejaan ditetapkan begitu, penutur dibenarkan untuk menggunakan bunyi atau sebutan asal demi untuk menjaga ketepatan makna perkataan-perkataan tersebut.

Di sebalik kesalahan ejaan tersebut, tinjauan mendapati bahawa banyak pengguna bahasa yang menggunakan ejaan yang betul bagi perkataan **Ramadan**. Tahniah kepada semua yang berkenaan.

## SAMBIL LEWA?

SUDAH biasa bagi kita apabila hendak menyatakan hal yang bermaksud "tidak sungguh-sungguh melakukan sesuatu", kita akan menggunakan perkataan **sambil lewa**. Bentuk kata itu sudah digunakan semenjak lama dahulu.

Namun begitu, carian dalam tiga edisi *Kamus Dewan* mendapati tidak terdapat perkataan **sambil lewa** sebagai kata masukan (entri). Sebaliknya, perkataan itu didapati dicatat di dalam *Kamus Dewan* (1986: halaman 1017), *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1997: halaman 1179), dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: halaman 1378) semata-mata sebagai makna bagi satu perkataan lain, **sambalewa**. *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* (1989: halaman 587) juga menggunakan perkataan **sambalewa**, malahan tidak langsung mencatat perkataan **sambil lewa**.

Tidak dapat dipastikan faktor yang menyebabkan wujudnya perkataan **sambil lewa**. Keempat-empat buah kamus itu juga tidak mencatatkan etimologi (asal) perkataan **sambalewa**.

Walau bagaimanapun, berdasarkan entri dalam keempat-empat kamus tersebut, perkataan yang wajar dipopularkan penggunaannya ialah **sambalewa**.